

1981

184

PULAU PINANG, 20 NOV. (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENERIMA KURNIAAN TERTINGGI NEGERI INI, DARJAH UTAMA PANGKUAN NEGERI (DUPM), YANG MEMBAWA GELARAN DATUK SEMPENA LAWATANNYA KE PULAU PINANG.

DARJAH TERSEBUT DIKURNIAKAN OLEH YANG DIPERTUA NEGERI, DATUK DR. AWANG HASSAN, DALAM SATU UPACARA DI RESIDENSI DI SINI.

HADIR DI UPACARA ITU JALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, KETUA MENTERI DR. LIM CHONG EU, MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI DAN LAIN-LAIN PEMBESAR NEGERI.

INI DIKUTI DENGAN SATU MAJLIS JAMUAN TEH DI MANA PERDANA MENTERI TELAH BERAMAH MESRA DENGAN PARA TETAMU.

TERDAHULU, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU KIRA-KIRA 10,000 ORANG YANG BERADA DI LAPANGAN TERBANG UNTUK MENYAMBUK KETIBAANNYA BAHAWA BELIAU MERASA BANGGA DENGAN KEMAJUAN PESAT NEGERI INI, TERUTAMA DI BIDANG-BIDANG PERINDUSTRIAN DAN PELANCONGAN YANG MENJADIKAN PULAU PINANG NEGERI YANG TERKEMUKA DI MALAYSIA SEKARANG.

BELIAU MENEGASKAN BAHAWA KERAJAAN BOLEH MENYEDIAKAN PERUNTUKAN BAGI PROJEK-PROJEK PEMBANGUNAN DI NEGERI INI TETAPI HASILNYA AKAN BERGANTUNG KEPADA KESEDIAAN RAKYAT UNTUK BEKERJA KUAT BAGI MENCAPAI SEGALA MATLAMAT YANG DIHURAIKAN DALAM RANCANGAN-RANCANGAN PEMBANGUNAN. -- BERSAMBUNG 1242/AI

B515:
MAHATHIR-KURNIAAN 2 PULAU PINANG

PERDANA MENTERI JUGA SECARA BERSELOROH MENYATAKAN BAHAWA TIDAK LAMA LAGI PULAU PINANG TERPAKSA DITUKARKAN NAMANYA KEPADA PINANG APABILA PEMBINAAN JEMBATAN YANG MENGHUBUNGKAN PULAU INI DENGAN TANAH BESAR SIAP KELAK.

+DENGAN SIAPNYA JEMBATAN ITU KELAK YANG MERUPAKAN JEMBATAN KETIGA PANJANGNYA DI DUNIA, PULAU PINANG TIDAK LAGI MENJADI SEBUAH PULAU YANG TERPISAH DARI SEMENANJUNG, + KATANYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU BANGGA DENGAN SEMANGAT PERPADUAN YANG DITUNJUKKAN OLEH MASYARAKAT BERBILANG KAUM DI NEGERI INI WALAUPUN MEREKA MASIH MENGHADAPI PELBAGAI MASALAH.

+BAGAIMANAPUN, JIKA RAKYAT BERSATU PADU DAN MENGURANGKAN EMOSI MEREKA, SAYA YAKIN SEMUA MASALAH INI AKAN DAPAT DIATASI, + UJAR BELIAU.

KAPAL TERBANG EKSEKUTIF YANG MEMBAWA PERDANA MENTERI DAN ROMBONGANNYA MENDARAT PADA PUKUL 9 PAGI TADI DAN TELAH DIALUKAN OLEH BERIBU-RIBU ORANG YANG MENGIBARKAN BENDERA DAN SEPANDOK.

SEBAIK SAHAJA BELIAU TURUN DARI PESAWAT ITU DENGAN DIIRINGI OLEH DR. LIM DAN SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI DATUK SYED ZAINAL ABIDIN JAMALLULAIL, PASUKAN KOMPANG TELAH MEMBERIKAN SAMBUTAN YANG BERGEMURUH.

DATIN SERI DR. SITI HASMAH PULA TELAH DIHADIAHKAN DENGAN SEJAMBAK BUNGA OLEH ADIK ANIS DHUHA, 4 TAHUN, ANAK KEPADA ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI ENCIK AHMAD RADHI PACHEE. -- BERSAMBUNG 1253/AI

MAHATHIR-KURNIAAN 3 PULAU PINANG

SEBAIK SAJA BELIAU MELALUI BARISAN KENAMAAN, BELIAU DISAMBUT DENGAN TARIAN SINGA DAN MUZIK INDIA PERSEMBAHAN KUMPULAN KECIL MUZIK INDIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR KEMUDIAN DIPERKENALKAN KEPADA SPEAKER DEWAN NEGERI, DATUK HASSAN NOH, HAKIM MAHKAMAH TINGGI PULAU PINANG, DATUK GUNN CHIT TUAN, PARA ANGGOTA DEWAN NEGERI, ANGGOTA-ANGGOTA MISI DIPLOMATIK YANG BERPEJABAT DI NEGERI INI DAN KETUA-KETUA JABATAN KERAJAAN.

BELIAU KEMUDIAN NAIK KE PENTAS KHAS DAN BERUCAP KEPADA KUMPULAN ORANGRAMAI TERDIRI DARIPADA PARA WAKIL DARI UMNO, GERAKAN, MIC DAN LAIN-LAIN PARTI POLITIK.

KIRA-KIRA 200 AHLI PEMUDA UMNO YANG BERMOTOSIKAL MENDAHULUI BARISAN MENUJU GEORGETOWN.

DALAM PERJALANAN, BELIAU DIALU-ALUKAN OLEH BERIBU-RIBU PEKERJA KILANG YANG BERBARIS DI KIRI KANAN LEBUHRAYA DI KAWASAN PERDAGANGAN BEBAS SAMBIL MENGIBAR-NGIBARKAN BENDERA.

ROMBONGAN DATUK SERI DR. MAHATHIR TERMASUK TIMBALAN MENTERI PENERANGAN, DR. LING LIONG SIK DAN TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI, DR. GOH CHENG TEIK, KEDUA-DUA AHLI PARLIMEN NEGERI INI.

TENGAHARI INI, DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN BERSEMBAHYANG JUMAAT DI MASJID NEGERI. — BERNAMA 1303/A1